

AL-HIKMAH

Jilid	16	ISSN 1985-6822	2024M
No.	2		1446H

- SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK PENDEKATAN PSIKOTERAPI SPIRITUAL ISLAM TERHADAP PENAGIH DADAH YANG MENGALAMI MASALAH SKIZOFRENIA ... 1-25
Hielda Noviyanty, Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah & Zainab Ismail
- PENDEKATAN KAUNSELING ISLAM DALAM MEMPERKASA KESEJAHTERAAN EMOSI MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA ... 26-49
Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurhanisah Senin, Dharatun Nisa Puad Mohd Kari @ Fuad Mohd Karim
- PEMBINAAN WATAK DAN PERWATAKAN DALAM KARYA SASTERA BERTERASKAN AL-QURAN: ANALISIS KISAH NABI YUSUF ... 50-72
Syafawati bt. Salihan, Monika@Munirah Abd Razzak, Norrozoh binti Hj. Siren
- THE ROLE OF WAQF IN RESPONSE TO THE CHALLENGES OF PEACE AND YOUTH EMPOWERMENT IN YOBE STATE, NIGERIA ... 73-93
Ibrahim Dahiru Idriss, Adibah Abdul Rahim, Ismail Mamat
- A REVIEW ON THE INTEGRATED ISLAM AND SCIENCE TEACHING MODEL IN MALAYSIA ...94-116
Zaim Zamri, Norshariani Abd Rahman, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Zetty Nurzuliana Rashed, Norfariza Binti Mohd Radzi, Ab Halim Tamuri, Ahmad Ashrif A Bakar
- PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI HADIS DAN FAKTOR-FAKTOR PENOLAKAN KEPADA AUTORITINYA ...117-140
Izwan Mohd Ali & Aminudin Basir@Ahmad
- KEY FACTORS INFLUENCING THE SUCCESS OF AI-QURAN MEMORIZATION AMONG TAHFIZ STUDENTS ...141-155
Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Nik Ahmad Mumtaz Nik Din, Mohammad Ibrahim Md Khalis, Haizuran Mohd Jani & Muhamad Razif Ahmad
- PEMIKIRAN DAN PENDEKATAN DAKWAH ABDULLAH MUNSIFY DALAM HIKAYAT ABDULLAH ...156-175
Azman Yusof & Anisah Bahyah Hj Ahmad
- مكانة المرأة ودورها في رؤية الطريقة العلية القادرية الكسنزانية... 176-199
Qais H. A. Abuyounis, Muhamad Faisal Bin Ashaari, Mohamad Zulkifli Bin Abdul Ghani, Abu Dardaa Bin Mohamad

Pemikiran Kassim Ahmad Mengenai Hadis dan Faktor-Faktor Penolakan Kepada Autoritinya

Kassim Ahmad's Thought on Hadith and the Factors of Rejection to Its Authority

IZWAN MOHD ALI & AMINUDIN BASIR@AHMAD

ABSTRAK

Kassim Ahmad menggesa supaya umat Islam berpegang semata-mata kepada al-Quran sahaja, sekali gus menolak autoriti hadis sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam selepas al-Quran. Beliau telah dikenali sebagai anti hadis dan pemikiran beliau ini terzahir dengan jelas dalam penulisan, blog dan ucapan beliau. Di antara penulisan beliau yang utama adalah dua buah buku yang bertajuk *Hadis: Satu Penilaian Semula* dan *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* telah diletakkan di bawah perintah larangan. Pengisytiharan anti hadis terhadap beliau juga telah dilaksanakan oleh badan-badan autoriti agama di Malaysia melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor penolakan beliau terhadap autoriti hadis. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemu bual informan iaitu Kassim Ahmad secara bersemuka dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur. Dapatan kajian menemukan empat faktor penolakan beliau terhadap autoriti hadis iaitu hadis ciptaan orang terkemudian, kesilapan hadis dalam pentafsiran, pendapat Rasulullah SAW boleh jadi betul atau salah dan penggunaan hadis hujah yang lemah. Secara kesimpulannya, keempat-empat faktor penolakan autoriti hadis oleh Kassim Ahmad ini adalah hujah yang lemah dan bercanggah sama sekali dengan petunjuk al-Quran dan penjelasan yang diberi oleh para ulama dan sarjana Islam. Pemikiran sebegini amat berbahaya kepada akidah islamiah dan boleh berkembang dengan bentuk baharu dalam masyarakat Islam jika tidak diberi perhatian yang serius.

Kata kunci: *Kassim Ahmad, pemikiran anti hadis, autoriti hadis, akidah islamiah, pemikiran sesat*

ABSTRACT

Kassim Ahmad urged Muslims to stick solely to the Qur'an alone, while rejecting the authority of hadith as the second source of references in Islam after the Qur'an. He has been known as anti-hadith and his thoughts are clearly expressed in his writings, blog and speeches. Among his main writings are two books entitled Hadis: Satu Penilaian Semula and Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik have been placed under ban. Anti-hadith declarations against him have also been made by religious authorities in Malaysia through several fatwas that have been gazette. Therefore, this study was conducted to analyze the factors of his rejection to the authority of hadith. In this study, the researcher used a qualitative approach by interviewing the informant, namely Kassim Ahmad, face-to-face using a semi-structured interview method. The findings of the study found four factors of his rejection to the authority of hadith, that are hadith created by later people, hadith errors in interpretation, the opinion of the Prophet SAW can be right or wrong and the use of hadith is a weak argument. In conclusion, the four factors of the rejection to the authority of hadith by Kassim Ahmad are weak arguments and completely contradict to the guidance of the Qur'an and the explanations given by the Islamic scholars. This kind of thought is very dangerous to the Islamic faith and can be developed into a new form in the Islamic society if it is not given serious attention.

Keywords: *Kassim Ahmad, anti-hadith thought, hadith authority, Islamic faith, heresy*

Diterima: 30 Oktober 2024

Disemak semula: 22 November 2024

Diterima akhir: 15 Disember 2024

Diterbitkan: 31 Disember 2024

PENDAHULUAN

Kassim Ahmad merupakan seorang tokoh yang aktif menghasilkan penulisan dalam bidang sosial, politik dan kesusasteraan (Izwan, 2019). Beliau turut menulis dalam bidang agama yang menjadi medium untuk menzahirkan pemikiran anti hadisnya. Contohnya, dua buah karya utama beliau yang mengupas isu-isu agama khususnya perbahasan beliau dalam menolak hadis sebagai sumber rujukan yang berautoriti dalam Islam. Karya-karya tersebut telah mencetuskan kontroversi yang bertajuk *Hadis: Satu Penilaian Semula* dan *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* setebal 131 halaman, diterbitkan oleh Media Intelek Sdn. Bhd. pada tahun 1986 merupakan ceramah-ceramah beliau dalam jurusan antropologi dan sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (Kassim, 1986; Zikri, 2009). Buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* pula setebal 199 halaman, diterbitkan oleh Media Indah Sdn. Bhd. pada tahun 1992 merupakan tulisan beliau sebagai jawapan dan hujah balas kepada para pengkritik beliau yang menolak buku pertamanya (Kassim, 1992; Muhammad Azizan, & Noor Shakirah, 2016).

Kedua-dua buah buku tersebut telah diletakkan di bawah perintah larangan. Buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* telah diletakkan di bawah perintah larangan pada 10 Julai 1986 dengan rujukan P.U (A) 223, manakala buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* pada 21 April 1994 dengan rujukan P.U (A) 135 (Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013 2014). Penzahiran pegangan anti hadis beliau juga dapat dilihat melalui ucapan yang telah disampaikan dalam *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang* melalui *Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian* di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014 (Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri 2015). Selain daripada dua buah karya beliau yang utama, tulisan beliau juga boleh diakses daripada blog beliau yang beralamat <http://kassimahmad.blogspot.com/2017/>.

Dengan gagasan anti hadis yang dipegang dan turut disebarkan, pihak berautoriti agama di Malaysia telah mengambil langkah untuk menyekat perkembangan pemikiran beliau melalui pewartaan fatwa. Pengisytiharan anti hadis terhadap beliau telah dilakukan oleh pihak autoriti agama di Malaysia sejak tahun 1986 lagi melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh jabatan mufti negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang (Wan Mohd Fazrul Azdi et al. 2015). Beliau sendiri turut mengakui bahawa beliau telah diisytiharkan sebagai anti hadis atas gesaannya supaya umat Islam berpegang semata-mata kepada al-Quran sahaja tanpa melihat kepada hadis (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015). Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan fatwa pada 23 November 1995 berkenaan dengan buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* dan *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Menurut warta tersebut, kedua-dua buah buku tersebut mengandungi ajaran dan fahaman yang menolak hadis sahih (iaitu hadis yang disahkan bersumber daripada Rasulullah SAW) sebagai sumber akidah dan perundangan Islam dan menghina al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran. Oleh yang demikian, buku-buku tersebut mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Oleh itu, individu atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku tersebut adalah murtad (Jabatan Mufti Negeri Selangor t.th.).

SEJARAH ANTI HADIS

Anti hadis terdiri daripada dua patah perkataan iaitu anti dan hadis. Anti menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021: 67) bermaksud “tidak menyetujui, melawan, membantahi dan menentang”. Manakala hadis merupakan apa-apa yang telah diriwayatkan di atas Rasulullah SAW termasuk perkataan, perbuatan dan pengakuan Baginda dan juga gambaran fizikal dan sifat peribadi Baginda. Latar belakang, perbuatan dan kata-kata Baginda sebelum dilantik menjadi rasul juga termasuk dalam maksud hadis sebagaimana yang digunakan oleh ulama silam (Ar-Rahawan 2012). Maka, atas penggabungan dua patah perkataan ini terhasil apa yang diistilahkan sebagai anti hadis yang merujuk kepada golongan yang menafikan autoriti hadis sebagai sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran, seterusnya mengajak seluruh umat Islam agar berpegang dan beramal dengan intipati al-Quran semata-mata (Abdul Mukti, Zaidul Amin Suffian, Rosni & Mohd Norzi 2020).

Daripada sudut sejarah, gagasan penolakan terhadap hadis sebagai sesuatu yang berautoriti sudah bermula sejak daripada zaman sahabat lagi. Corak pemikiran sebegini berkembang pada zaman tabiin, seterusnya menular pada zaman Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (63H-101H). Namun begitu, Imam al-Syafii (150H-204H) telah dapat menanganinya pada zamannya (Abdul Karim 2007a).

Sejarah awal Islam telah menunjukkan bahawa golongan yang menolak hadis telah lama muncul dan hampir berkubur. Kemudian, pemikiran sebegini telah dihidupkan kembali pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 yang kebanyakannya muncul dari benua kecil India. Di antara tokoh-tokohnya adalah Syed Ahmad Khan (m. 1898M), Chiragh Ali (m. 1895M), Abdullah Chakralawi (m. 1914M), Khwaja Ahmed Din Amritsari (m. 1936M), Ghulam Ahmad Parwez (m. 1986M), Rashad Khalifa (m. 1990M), Muhammad Tawfiq Sidqi (m. 1920M), Mahmud Abu Rayya (m. 1970M), Jeffrey Lang, Ahmed Subhy Mansour dan Maurice Bucaille (m. 1998M) (Hamdeh 2011).

Di Amerika, gerakan anti hadis bermula daripada *Seminar Misionari Kristian dan Yahudi* yang diadakan pada 8 hingga 17 Jun 1983. Dalam seminar ini, Dr. Rashad Khalifa telah membincangkan sebuah tajuk iaitu *Islam, Dahulu, Kini dan Akan Datang*. Beliau menyatakan bahawa hadis-hadis adalah buatan syaitan, maka dengan mempercayai hadis bermaksud mempercayai buatan syaitan. Di antara tujuan gerakan anti hadis di Amerika dan Eropah yang dipimpin oleh Dr. Rashad Khalifa ini adalah untuk memesongkan sarjana-sarjana Barat yang telah memilih Islam sebagai agama mereka. Caranya adalah dengan menjauhkan mereka daripada

mendapatkan sumber Islam yang sebenar iaitu al-Quran dan sunnah (Nahmar 1986).

Di India dan Pakistan pula, muncul gerakan anti hadis dengan menggunakan nama Jami'iyah Ahli Qur'an pada sekitar tahun 1906 yang diketuai oleh Abdullah Chakrawali dan Khawaja Ahmad Din. Golongan ini berpegang dan membawa gagasan bahawa al-Quran sudah lengkap sekaligus menolak hadis secara keseluruhan sebagai asas syariah. Dalam beberapa isu, golongan ini menetapkan dasar agama berdasarkan pendapat sendiri. Di antaranya adalah dalam isu pelaksanaan solat yang berlainan daripada yang diamalkan oleh majoriti umat Islam, mengurangkan jumlah rakaat dalam solat dan membuang bacaan dalam solat kerana menurut pendapat mereka ianya tiada dalil daripada al-Quran. Pemikiran golongan ini telah diteruskan pula oleh Ghulam Ahmad Parwez dan Sayyid Rafiuddin Multan, namun ianya telah ditentang oleh para ulama seperti Muhammad Ismail as-Salafi, Abul 'Ala al-Maududi dan Muhammad Ayyub Dahlawi (Zikri 2009).

Di Mesir, gerakan anti hadis telah dibawa oleh Muhammad Taufiq Shidqi. Pemikiran anti hadis beliau dapat dikesan melalui penulisannya yang dimuat dalam majalah *al-Manar*. Di antara pandangan beliau yang mengandungi elemen anti hadis adalah seperti perbuatan Rasulullah SAW tidak perlu untuk diikuti oleh umat Islam dan sudah memadai berpegang dengan al-Quran sahaja. Pandangan beliau ini juga telah ditentang oleh para ulama Mesir seperti Syaikh Ahmad Manshur al-Baz, Syaikh Thaha al-Bishri dan Syaikh Shalih al-Yafi'i (Zikri 2009).

Pada sekitar tahun 1980-an telah wujud beberapa kumpulan di Indonesia yang menolak hadis atau menerimanya secara bersyarat walaupun hadis sahih. Mereka digelar sebagai Ingkar Sunnah yang diketuai oleh Ircham Sutarto. Kumpulan ini telah diisytiharkan sesat oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada 30 September 1983 (Juhaidi 2013). Namun begitu, tidak diketahui dengan jelas sejak bila pemikiran ini mula berkembang dan siapa yang menyebarkannya di Indonesia. Apa yang dapat dilihat pada sekitar tahun 1980-an, pemikiran ini mula bergerak di beberapa tempat dan sampai ke kemuncaknya pada tahun 1983-1985. Pusat gerakan mereka terletak di Jakarta di mana majoriti pengikutnya berada di sini yang kemudiannya tersebar ke Bogor, Jawa Barat, Tegal, Jawa Tengah dan Padang, Sumatera Barat. Nazwar Syamsu telah dikenal pasti sebagai salah seorang daripada tokoh ingkar hadis di Indonesia. Ini adalah kerana buku-buku karangan beliau didapati mengandungi kesalahan dalam terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam Bahasa Indonesia dan pendapat beliau yang bertentangan dengan pegangan umat Islam secara umum yang berkaitan dengan sumber-sumber ajaran dalam Islam (Nurfajriyani 2019).

Gerakan anti hadis muncul di Malaysia melalui pertubuhan Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) yang kemudiannya dikenali sebagai Forum Iqra'. Forum Iqra' telah ditubuhkan pada 11 Jun 1995 yang dipimpin oleh Kassim Ahmad. Tujuan ia ditubuhkan adalah untuk menyeru umat Islam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya agar kembali kepada ajaran al-Quran (Abdul Karim 2007b). Idea penubuhan Jema'ah al-Quran Malaysia ini telah dibawa oleh beliau pada 16 Mei 1993 di Rumah Persatuan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Secara rasminya ia telah bermula pada 11 Jun 1995 bertempat di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Md Hasri 2016).

KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam secara umum telah dijalankan oleh ramai pengkaji. Sebuah disertasi yang bertajuk *Pandangan Kassim Ahmad Tentang Hadis Sebagai Salah Satu Sumber Hukum* telah ditulis oleh Wan Ismail (2004). Dalam penulisan ini, pengkaji telah menganalisis pandangan Kassim Ahmad terhadap hadis sebagai sumber perundangan serta sikap beliau terhadap hadis yang berkaitan dengan perundangan. Pengkaji hanya mengemukakan sebahagian daripada hadis serta hukum-hukum yang ditolak oleh beliau dan mengemukakan jawapan bagi setiap hujah dan kritiknya berdasarkan dalil serta nas yang lebih kukuh dan realistik. Pengkaji menyimpulkan bahawa di antara tujuan beliau menolak hadis adalah untuk mengelakkan daripada timbulnya salah faham dan sebarang kekeliruan, membebaskan umat Islam daripada kuasa palsu, mengajak serta menyeru umat Islam seluruhnya supaya menerima pandangan secara terbuka dan mengkritik penyelewengan dan kesilapan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh agama. Beliau beranggapan bahawa semua ini yang telah menyebabkan kekeliruan dan perpecahan umat.

Sebagai salah seorang yang telah didakwa sebagai pencetus pemikiran anti hadis atau inkar sunnah, sebuah artikel telah ditulis oleh Zikri (2009) yang bertajuk *Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia*. Dalam kajian ini, pengkaji mengeluarkan idea-idea Kassim Ahmad dalam mengingkari sunnah dengan mengemukakan hujah-hujah beliau dalam menolak sunnah dengan merujuk kepada buku *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Seterusnya, pengkaji menganalisis pemikiran beliau dengan menjawab tuduhan-tuduhan yang telah beliau lemparkan dan menjelaskan implikasi pemikiran beliau termasuk faktor-faktor yang menyebabkan aliran pemikiran ini tidak mudah untuk dibanteras. Pengkaji juga memberi cadangan bagi mengekang perkembangan aliran pemikiran inkar sunnah ini dengan tidak hanya menumpukan kepada pendekatan undang-undang sahaja di samping menambah aktiviti-aktiviti seperti dialog, meningkatkan

pemahaman nilai-nilai budaya Melayu dan meningkatkan aktiviti yang berunsur keagamaan.

Berkaitan dengan elemen-elemen anti hadis yang terkandung dalam ucapan Kassim Ahmad, Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri (2015) dalam sebuah artikel menilai elemen-elemen tersebut melalui satu ucapan yang telah disampaikan pada 16 Februari 2014 yang bertajuk *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang*. Pengkaji telah meringkaskan kekeliruan beliau mengenai Islam dalam ucapannya melalui sebelas isu dalam bentuk jadual. Seterusnya, pengkaji menjawab dua isu yang telah dikemukakan yang secara langsung menonjolkan elemen anti hadis dalam ucapannya. Di antara kekeliruan yang telah beliau timbulkan adalah Imam al-Syafii yang telah mewajibkan hadis sebagai sumber Islam dan hadis tidak menafsirkan al-Quran tetapi al-Quranlah yang menafsirkan al-Quran melalui kaedah saintifik.

Kajian yang berkaitan dengan kaedah Kassim Ahmad berinteraksi dengan hadis juga telah dijalankan oleh Mohd Norzi, Rosni, Abur Hamdi, Suriani, Zanariah, Sakinah & Azman (2016) yang bertajuk *Metode Kassim Ahmad dalam Kajian Hadis: Satu Penilaian dalam Timbangan Metode Ilmiah Ulama Hadis*. Menurut pengkaji, Kassim Ahmad menggunakan metode sosio-historis dan logik akal dalam memahami nas-nas syarak dan metode yang berasal daripada sistem hukum yang berpandukan keadaan masyarakat sebagai sumber hukum. Beliau juga bersikap skeptikal terhadap kredibiliti para ulama dengan menolak untuk mengikut pandangan para ulama yang muktabar yang pada anggapan beliau para ulama telah menutup pintu ijtihad dan menghalang pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat awam. Menurut pengkaji lagi, golongan Liberalis, Pluralis dan Sosialis turut berpandangan seperti pandangan beliau ini.

Kajian mengenai sejarah pemikiran Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) yang telah ditubuhkan oleh Kassim Ahmad telah dijalankan oleh Md Hasri (2016) melalui risalah *Siaran Iqra'* yang telah diterbitkan dari tahun 1993 hingga 1995. Risalah *Siaran Iqra'* ini telah diterbitkan dalam tiga jilid dengan mengandungi enam helai. Jilid pertama mengandungi bilangan satu sahaja, jilid kedua mengandungi bilangan satu dan dua manakala jilid ketiga mengandungi bilangan satu, dua dan tiga. Menurut pengkaji, di samping menubuhkan Jema'ah al-Quran Malaysia ini, beliau juga merupakan pengarang tetap dan ketua sidang pengarang kepada risalah *Siaran Iqra'*. Secara tidak langsung, pengkaji juga telah mengkaji pemikiran beliau berdasarkan penulisan beliau dalam risalah tersebut. Pengkaji telah mengkaji risalah *Siaran Iqra'* yang telah diterbitkan pada Julai 1993 sebagai jilid yang pertama dan jilid yang ketiga sebagai jilid yang terakhir diterbitkan pada Jun 1995. Menurut pengkaji, dalam risalah *Siaran Iqra'* ini

terdapat tiga tema utama yang dibincangkan iaitu Tema Tauhid, Tema Perundangan Syariah dan Tema Tamadun Islam. Tema Tauhid membincangkan tentang asas-asas tauhid dan pemikiran Islam. Perbincangan asas-asas tauhid merangkumi keyakinan kepada Tuhan Maha Esa, Rasulullah dan juga konsep qadak dan qadar. Manakala perbincangan tentang pemikiran Islam memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi oleh umat Islam jika tidak memahami ajaran al-Quran dengan sebaiknya. Tema Perundangan Syariah pula membincangkan tentang mewujudkan satu sistem syariah yang dinamik dan mengikut kehendak zaman dengan mewajibkan pembukaan pintu ijtihad bagi menghadapi sebarang masalah yang berkaitan dengan fikah dan isu semasa. Tema ini juga memfokuskan tentang masalah riba, perbankan dan fikah wanita. Dalam Tema Tamadun Islam, pengarang mengingatkan umat manusia terhadap ancaman daripada musuh Islam dan juga perkara-perkara yang boleh merosakkan akhlak. Penolakan konsep penarafan ilmu di antara ilmu agama dengan ilmu sekular, garis pemisah di antara ilmu naqliyah dan ilmu akliyah juga dibincangkan dalam tema ini.

Selain daripada itu, satu kajian juga telah dijalankan terhadap hasil karya Kassim Ahmad yang bertajuk *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Dalam kajian ini, Muhammad Azizan & Noor Shakirah (2016) menumpukan kajian mereka terhadap pemikiran Kassim Ahmad yang meragui kedudukan hadis dalam Islam dengan berpandukan kepada karya tersebut. Menurut pengkaji, secara umumnya kesemua bab yang dibincangkan dianggap bahaya dan sensitif dan tidak sesuai untuk bacaan umum dan sewajarnya diharamkan kembali. Pengkaji merujuk kepada karya tersebut yang setebal 199 halaman dan mempunyai 11 bab, 3 lampiran, bibliografi dan penunjuk. Dalam memberikan reaksi dan jawapan kepada pendapat beliau, pengkaji hanya memfokuskan kepada beberapa buah bab sahaja yang dianggap genting daripada sebelas bab. Bab-bab yang dibincangkan dan diberi hujah balas adalah Bab 2 yang bertajuk Taatilah Allah dan Taatilah Rasul, Bab 3 yang bertajuk Siapa Menghuraikan Quran, Bab 4 yang bertajuk Masalah Solat dan Bab 5 yang bertajuk Kedudukan Hadis Yang Sebenar. Daripada penelitian terhadap karya yang menjadi subjek perbincangan ini, pengkaji menyimpulkan bahawa beliau keliru dan pemikiran beliau bercelaru dalam memahami Islam yang merupakan agama wahyu dan tidak semuanya dapat difahami menurut akal fikiran.

Dengan pengisytiharan anti hadis terhadap Kassim Ahmad dan pewartaan fatwa terhadap karya-karya beliau, ramai pengkaji mula mengkaji pemikirannya. Walaupun telah banyak kajian lepas yang telah dijalankan, namun kajian-kajian lepas hanya tertumpu kepada pemikiran anti hadis beliau sahaja. Bermula daripada pandangan beliau mengenai peranan hadis sebagai sumber hukum dalam Islam, penilaian dan kritik terhadap idea-idea beliau dan jawapan-jawapan ilmiah bagi menjawab idea-idea beliau dalam

perkara agama terutamanya penolakannya terhadap hadis sebagai sumber hukum.

Walaupun begitu, masih terdapat kekurangan dalam kajian-kajian lepas kerana tiada kajian yang dijalankan secara khusus bagi mengkaji sebab mengapa beliau menolak hadis sebagai sumber yang berautoriti dalam Islam. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis faktor-faktor penolakan Kassim Ahmad terhadap autoriti hadis. Kajian ini tertumpu kepada persoalan mengapa beliau menolak hadis sebagai sumber yang berautoriti dalam Islam.

Biografi Ringkas Kassim Ahmad

Kassim atau Osman bin Ahmad merupakan anak pasangan Ahmad bin Ishak dan Ummi Kalthum binti Hj. Ahmad. Beliau dilahirkan pada 9 September 1933 di Kampung Kubang Tampang, Mukim Lepai, Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Ayah beliau berketurunan dari Palembang dan ibu beliau pula berketurunan dari wilayah Melayu Patani. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 23 November 1960 dengan Sharifah Fawziah binti Syed Yusof al-Sagoff dan dikurniakan seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan yang bernama Soraya, Aida dan Shauqi.

Beliau memulakan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Melayu Bandar Baharu sehingga darjah tujuh (1939-1946) tetapi sebelum itu beliau pernah bersekolah di Sekolah Melayu Bujang sewaktu berumur lima tahun. Seterusnya, beliau diterima masuk ke Kelas Melayu Khas (*Special Malay Class*) di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star (1947-1953).

Setelah selesai pendidikan beliau di Kolej Sultan Abdul Hamid, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1955. Tesis yang telah beliau hasilkan bertajuk *Characterization in Hikayat Hang Tuah* (Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah) pada tahun 1959. Selepas itu, beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1959 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur setelah universiti tersebut berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur. Tesis yang telah beliau hasilkan bertajuk *Syair Musuh Kelantan*.

Dalam bidang pendidikan agama, beliau pernah belajar agama daripada bapanya yang pernah mengajarnya membaca al-Quran dan menerima pendidikan agama ketika mengikuti pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah. Beliau juga minat membaca buku-buku seperti tafsir, hadis, akidah, pemikiran Islam dan lain-lain dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Selain itu, beliau membaca dan membanding tujuh belas buah

tafsir sejak beliau berumur tujuh belas tahun selama tiga puluh enam tahun. Selepas itu, beliau mula menulis buku beliau yang bertajuk *Hadis: Satu Penilaian Semula* pada tahun 1986.

Setelah tamat pengajian di Universiti Malaya, beliau telah diundang oleh En. J. C. Bottoms yang merupakan tenaga pengajar di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London untuk mengajar bahasa dan sastera Melayu di situ. Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1966, beliau telah cuba untuk memohon untuk mengajar di Universiti Malaya tetapi gagal. Seterusnya, beliau pulang ke Pulau Pinang dan berkhidmat sebagai guru bahasa dan sastera Melayu di Sekolah Abdullah Munshi, Pulau Pinang (1966-1969). Namun, sebelum itu beliau juga pernah berkhidmat sebagai pegawai penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1960-1962). Pada 13 Mei 1969, beliau telah mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan sebagai guru dan bekerja sendiri sebagai guru tuisyen, penulis dan penterjemah bebas.

Beliau juga pernah mendapat beberapa anugerah. Di antaranya adalah Ijazah Doktor Persuratan Kehormat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (1985) dan anugerah Penyair GAPENA (1987). Beliau juga bergiat aktif dalam kegiatan luar seperti menjadi Pengerusi Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) (1998-2017) dan Ketua Umum Parti Rakyat Malaya (PRM) (1968-1984).

Beliau telah menghasilkan karya yang banyak. Di antaranya yang bertajuk *Kisah Pelayaran Abdullah, Hikayat Hang Tuah, Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah, Universiti Kedua: Kisah Tahanan Di bawah ISA, Teori Sosial Moden Islam, Hadis: Satu Penilaian Semula, Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik, Kontroversi Hukum Hudud, Dilema Umat Islam – Antara Hadis dan Quran, Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam* dan banyak lagi.

Beliau telah menghembuskan nafas yang terakhir ketika berumur 84 tahun pada hari Selasa 10 Oktober 2017 jam 10 pagi setelah tidak sedarkan diri sejak 9 Oktober 2017 akibat radang paru-paru di Hospital Kulim, Kedah. Beliau telah dimasukkan ke hospital tersebut untuk menerima rawatan akibat jangkitan paru-paru dan injap jantung tersumbat sejak 16 September 2017 (Izwan 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berusaha untuk mendalami pemikiran seseorang. Justeru, penyelidik berpendapat pendekatan yang sesuai digunakan adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan ini dapat memberikan ruang kepada penyelidik untuk mendalami pemikiran seseorang melalui kaedah temu bual

secara mendalam. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat meneroka secara mendalam pemikiran dan idea-idea informan secara terperinci dan jelas. Menurut Ahmad Sunawari (2014), temu bual merupakan kaedah secara langsung untuk mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada informan yang melibatkan hubungan dua hala antara penyelidik dan informan. Kaedah temu bual juga merupakan teknik yang terbaik untuk digunakan semasa menjalankan kajian kes intensif terhadap beberapa individu terpilih (Merriam 1998). Oleh itu, pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah temu bual untuk meneroka pandangan dan idea daripada informan iaitu Kassim Ahmad.

Di samping itu, kaedah analisis kandungan turut digunakan dengan merujuk beberapa hasil karya utama informan sebagai sumber primer bagi menyokong data daripada hasil temu bual yang telah dijalankan. Karya utama yang dirujuk termasuk *Hadis: Satu Penilaian Semula, Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik dan Dilema Umat Islam – Antara Hadis dan Quran*. Analisis dokumen adalah penting untuk mendapatkan maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji, dapat mengenal pasti masalah kajian, membuat analisis yang lebih kritis dan meluaskan pengalaman ilmiah (Ahmad Sunawari 2014). Pengumpulan data melalui analisis kandungan turut dapat memberikan maklumat yang relevan kepada permasalahan dan isu yang dikaji (Muhammad Azizan 2022).

Oleh itu, data yang diperolehi dianalisis secara perbandingan di antara hujah-hujah mengapa Kassim Ahmad menolak hadis sebagai sumber yang berautoriti dalam Islam dengan petunjuk al-Quran dan penjelasan para ulama dan sarjana Islam.

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik telah dapat menemukan empat tema utama faktor-faktor penolakan Kassim Ahmad terhadap autoriti hadis seperti berikut:

Hadis Ciptaan Orang Terkemudian

Kassim Ahmad telah menjelaskan bahawa hadis ini merupakan ciptaan para ulama yang lahir selepas kewafatan Rasulullah SAW (yang terkemudian). Berkenaan dengan hal ini beliau ada menjelaskan seperti mana katanya:

Orang memang membelakangkan Quran, dia ciptakan hadis, sunnah, ini semua mengarut, yang mereka katakan ini nabi buat,

nabi tak buat hadis, ini orang kemudian (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Seterusnya, beliau turut menjelaskan bahawa hadis diada-adakan dan direka seperti mana katanya:

Hadis ni dia timbul kemudian, direka oleh pelbagai puak (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Beliau juga menjelaskan bahawa beriman kepada hadis tiada di dalam Rukun Iman malah hadis merupakan rekaan ulama yang lahir kemudian, katanya:

Kan kita Rukun Iman tu beriman kepada Tuhan yang satu, hadis mana ada dalam Rukun Iman, depa reka kemudian (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Berkenaan dengan hal ini, beliau pernah menjelaskan bahawa “hanya selepas ini barulah muncul kumpulan hadis Bukhari (m.870), Muslim (m. 875) dan lain-lain. Ini bermakna autoriti hadis sebagai satu sumber hukum setaraf dengan Quran muncul kemudian, kira-kira 250 tahun setelah nabi wafat” (Kassim 2002: 4-5).

Menurut beliau lagi, seperti yang telah dimaklumi bahawa enam kitab hadis sahih dibukukan selepas perisytiharan hadis sebagai sumber hukum oleh Imam al-Syafie. Kitab-kitab tersebut disusun oleh al-Bukhari (m. 256H/870M), Muslim (m. 261H/875M), Abu Daud (m. 275H/888M), al-Tirmizi (m. 279H/892M), Ibn Majah (m. 273H/886M) dan al-Nasa’i (m. 303H/915M) di antara 200 dan 270 tahun selepas kewafatan Rasulullah SAW (Kassim 1986).

Kesilapan Hadis Dalam Pentafsiran

Kassim Ahmad juga menjelaskan bahawa terdapat hadis yang salah daripada sudut pentafsiran. Menurut beliau, tiang agama adalah beriman kepada Tuhan dan bukan sembahyang sebagai tiang agama, beliau berkata:

Jadi dalam hadis dia kata sembahyang tiang ugama, ini silap, tiang ugama tu tauhid kita beriman kepada Tuhan yang satu, yang kukuh kalau kita takde tauhid semua ibadah kita batal (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Beliau pernah menjelaskan tentang kesilapan hadis ketika mentafsirkan bahawa sembahyang itu adalah tiang agama. Menurut beliau “walaupun sembahyang itu satu ibadah penting yang diperintahkan kepada orang Mukmin, di samping puasa, zakat dan naik haji, sembahyang bukanlah tiang agama, seperti yang diajar dalam hadis. Seperti yang kita tahu, tiang agama Islam ialah tauhid, iaitu iman kepada Tuhan Yang Esa” (Kassim 2002: 17).

Terdapat juga beberapa lagi perkara yang berkaitan dengan kesilapan hadis daripada sudut pentafsiran seperti pendewaan terhadap Nabi Muhammad, dua kalimah syahadah, selawat kepada Nabi Muhammad, kaedah solat, hukuman bagi kesalahan zina dan murtad (Kassim 1992; Kassim 2002).

Pendapat Rasulullah SAW Boleh Jadi Betul Atau Salah

Bagi Kassim Ahmad, beliau berpandangan bahawa Rasulullah SAW sebagai manusia biasa yang mempunyai ilmu yang terbatas. Hadis-hadis Baginda yang disampaikan oleh para sahabat boleh jadi betul atau salah dan sesuai pada zaman Baginda sahaja. Beliau berkata:

Hadis mentafsirkan Quran itu karut, macam mana Nabi Muhammad tafsirkan Quran, dia boleh bagi pendapat dia la, setengah boleh jadi betul setengah dia boleh jadi tak betul, tentu la dalam zaman dia sebab dia terima Quran, sahabat-sahabat dia orang ramai tanya dia, dia bagi la pendapat dia, itu pendapat dia, tapi dia manusia yang ilmu terbatas, macam kita jugak (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Berkenaan dengan kelemahan yang ada pada diri Rasulullah SAW, beliau pernah menjelaskan bahawa “kita salah anggap bahawa beliau tahu semua. Kita salah anggap bahawa beliau tidak ada kelemahan, seperti manusia biasa yang lain” (Kassim 1992: 36).

Penggunaan Hadis Hujah Yang Lemah


Menurut Kassim Ahmad, penggunaan hadis sebagai pentafsir al-Quran merupakan hujah yang lemah. Ini adalah kerana apabila hadis dikaitkan dengan Rasulullah SAW sedangkan Baginda merupakan seorang manusia biasa yang mungkin melakukan kesilapan. Beliau berkata:

Di bawah kaedah tradisional, hadis menerangkan Quran, itu, hujah yang lemah sekali, macam mana hadis boleh nak menerangkan

Quran, hadis ni kalau kita kaitkan dengan Nabi Muhammad, Nabi Muhammad dia seorang manusia (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Berkenaan dengan perkara ini, beliau juga pernah menjelaskan “contoh-contoh di atas menunjukkan dua masalah yang besar bagi hadis, iaitu percanggahan sesetengahnya dengan ajaran-ajaran Quran, dan percanggahan antara hadis dengan hadis. Ini membuktikan bahawa kedudukan hadis sangat lemah. Kelemahan ini menyebabkan ia tidak boleh dijadikan sumber hukum, kecuali hadis-hadis yang tidak bercanggah dengan Quran” (Kassim 1992: 20-21).

Faktor-faktor penolakan Kassim Ahmad terhadap autoriti hadis dapat diringkaskan dalam gambar rajah seperti berikut:



Rajah 1: Faktor-Faktor Penolakan Kassim Ahmad Terhadap Autoriti Hadis

PERBINCANGAN

Umat Islam telah bersepakat meletakkan hadis sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam yang berautoriti selepas al-Quran. Pegangan ini berdasarkan dalil daripada firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada “*ulil amri*” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”

(Surah al-Nisā’ 4: 59)

Selain daripada ayat ini, banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang menjadi dalil yang jelas untuk berpegang kepada hadis sebagai sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran. Para ulama mujtahid imam-imam mazhab empat yang utama seperti Imam Abu Hanifah (80-150H), Imam Malik (93-179H), Imam al-Syafii (150-204H) dan Imam Ahmad bin Hanbal (164-241H) juga telah sepakat menjadikan hadis sebagai sumber rujukan kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran (Zulkifli 2013; al-Zuhaili 2005), termasuk juga Imam Daud al-Zahiri (202-270H) (al-Zuhaili 2005).

Menurut ulama hadis, hadis merupakan apa-apa yang telah diriwayatkan atas autoriti Rasulullah SAW termasuk perkataan, perbuatan dan pengakuan atau gambaran tentang sifat fizikal Baginda. Hadis-hadis Rasulullah SAW ini bukan dicipta oleh para ulama selepas daripada kewafatan Baginda bahkan ianya jelas datang daripada Rasulullah SAW. Para sahabat yang mendengar daripada Baginda terus menghafal dan disampaikan pula kepada sahabat yang lain. Dalam mengajar para sahabat, Rasulullah SAW sebagai guru menggunakan tiga kaedah iaitu **pertama;** secara verbal. Dalam sesetengah keadaan, Baginda akan mengulang sebanyak tiga kali bagi memastikan para sahabat dapat mengingat dan benar-benar memahaminya. **Kedua;** melalui penulisan, iaitu dengan surat-surat yang ditulis Baginda kepada pemerintah dan raja sesebuah negara, ketua puak dan gabenor Islam. **Ketiga;** secara praktikal dengan cara mengajar kaedah untuk melaksanakan ibadah termasuk cara berwuduk, solat, puasa dan mengerjakan haji (al-A’zami 2010). Di samping itu, para sahabat ramai yang mendampingi Baginda dan sentiasa memerhatikan perbuatan dan mengingat segala pesanan Baginda bahkan juga mendapat didikan secara langsung daripada Baginda.

Apa yang dilihat oleh para sahabat tersebut akan dihafal dan disampaikan pula kepada murid-murid mereka secara berkesinambungan seperti mana yang difahami secara umum sebagai hadis Rasulullah SAW

sehinggalah sampai kepada zaman pengumpulan dan pembukuan. Di zaman pemerintahan Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (63H-101H), beliau telah mengarahkan agar hadis-hadis dikumpul dan dibukukan serta diedarkan ke seluruh wilayah Islam sebagai rujukan (Asmawi 2003). Lebih awal daripada itu, pengumpulan hadis turut telah dilakukan oleh para sahabat. Di antaranya Abu Hurairah telah membahagikan malam kepada tiga bahagian; satu pertiga untuk tidur, satu pertiga untuk beribadat dan satu pertiga lagi untuk pengumpulan semula hadis-hadis Rasulullah SAW. Umar dan Abu Musa al-Asy'ari menghafal hadis-hadis sepanjang malam sehingga ke pagi. Begitu juga Ali bin Abu Talib, Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas dan Abu Sa'id al-Khudri menggalakkan tabiin untuk menghafal hadis (al-A'zami 2010).

Dalam konteks periwayatan hadis, Abu Hurairah dilaporkan telah meriwayatkan sejumlah 1236 hadis dan dilaporkan mempunyai koleksi hadis secara bertulis. Dilaporkan juga sekurang-kurangnya sembilan orang muridnya telah menulis hadis daripadanya. Ibn Umar pula, menurut Baqi bin Makhalad telah meriwayatkan sejumlah 2630 hadis dan mengumpul hadis secara bertulis. Sekurang-kurangnya lapan orang muridnya pula telah menulis hadis daripadanya. Anas bin Malik telah meriwayatkan sejumlah 2286 hadis dan sekurang-kurangnya enam belas orang telah meriwayatkan hadis daripada beliau dalam bentuk penulisan. A'ishah pula telah meriwayatkan sejumlah 2210 hadis dan sekurang-kurangnya tiga orang mempunyai hadis-hadis beliau dalam bentuk penulisan termasuk 'Urwah yang merupakan ulama hebat dalam kalangan tabiin (al-A'zami 2010).

Hadis-hadis juga semenjak daripada zaman sahabat lagi telah ditulis dalam bentuk *ṣaḥīfah* atau lembaran. Di antaranya *Ṣaḥīfah* Sa'ad Ibn 'Ubadah al-Ansari, *Ṣaḥīfah* Samurah Ibn Jundub, *Ṣaḥīfah* Jabir Ibn 'Abd Allah, *Ṣaḥīfah* 'Abd Allah Ibn 'Abbas dan *Ṣaḥīfah* Abu Hurairah (Rosmawati 2007). Oleh itu, jelas di sini pengamalan sunnah Rasulullah SAW dan penyebaran hadis-hadis Baginda sudah bermula lebih awal lagi iaitu semenjak daripada zaman para sahabat lagi dan terus berkembang hingga ke hari ini. Pengumpulan hadis juga telah bermula lebih awal lagi sebelum daripada pengumpulan yang lebih bersistematik dan pembukuan yang dilakukan oleh Imam al-Bukhari, Muslim dan selainnya.

Hadis sememangnya melalui perjalanan yang panjang. Daripada para sahabat yang kemudian disampaikan kepada tabiin dan seterusnya sehinggalah kepada umat Islam di zaman ini. Secara logiknya, kemungkinan untuk berlaku pemalsuan hadis dan salah penyampaian hadis-hadis kepada generasi seterusnya sangat tinggi. Maka, di sini peranan dan sumbangan yang amat tidak ternilai para ulama hadis untuk menjaga dan memastikan hadis-hadis yang disampaikan benar-benar datang daripada Rasulullah SAW. Menurut ar-Rahawan (2012), sistem *isnād* datang selepas timbul masalah daripada pembunuhan 'Uthman pada tahun 35 Hijrah. Rentetan

daripada peristiwa tersebut, telah berlaku penyebaran hadis-hadis palsu yang memerlukan kaedah untuk menghadapi cabaran baru ini. Maka, di sinilah pentingnya sistem *isnād* ini yang memberi perhatian kepada para perawi yang meriwayatkan hadis sehingga lahirnya ilmu *Asmā' al-Rijāl*. Ilmu ini mengkaji kronologi, biografi dan kritikan terhadap perawi hadis. Ilmu ini juga membincangkan tentang aspek kehidupan para perawi bagi mengenal identiti mereka dan kebolehppercayaan terhadap mereka melalui kenyataan para ulama sama ada yang memuji atau menolak mereka. Ilmu ini amat penting bagi memastikan hadis yang sampai kepada umat Islam benar-benar datang daripada Rasulullah SAW kerana *isnād* ini adalah sebahagian daripada agama. ‘Abdullāh bin al-Mubārak pernah berkata sebagai mana yang tercatat di dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*:

الإِسْنَادُ مِنَ الدِّينِ، وَلَوْ لَا الْإِسْنَادُ لَقَالَ مَنْ شَاءَ مَا شَاءَ

Maksudnya: “*Isnād* adalah sebahagian daripada agama. Jika tiada *isnād*, maka setiap orang akan berkata mengikut sesuka hatinya” (Al-Naysābūri 2003: 17)

Rasulullah SAW dilihat oleh umat Islam sebagai makhluk yang sempurna di antara makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT, insan yang sempurna (*al-insān al-kāmil*), kekasih Allah SWT (*ḥabīb Allāh*), di mana dalam al-Quran Baginda digelar sebagai model ikutan yang baik (*uswah ḥasanah*) untuk dicontohi. Baginda juga merupakan hamba Allah SWT yang sentiasa berserah dan mendekatkan diri kepada-Nya menjadikan Baginda seorang pentafsir al-Quran yang terbaik dan penyampai yang dipercayai (Nasr 2003). Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

(Surah al-Aḥzāb 33: 21)

Menurut al-Ṭabari (2005) ketika menafsirkan ayat ini beliau menjelaskan bahawa sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW teladan yang baik untuk diikuti. Maka, hendaklah kamu selalu mengikutinya dan janganlah kamu menyimpang daripada petunjuk Baginda. Teladan yang

baik ini bagi sesiapa yang mengharapkan pahala Allah SWT kerana sesiapa yang mengharapkan pahala Allah SWT dan rahmat-Nya di akhirat, tidak akan membenci diri Rasulullah SAW tetapi menjadikan Baginda teladan yang selalu diikuti.

Di antara tugas utama Baginda adalah untuk menerangkan al-Quran kepada umatnya. Bagaimana mungkin seseorang yang mulia yang ditugaskan oleh Allah SWT untuk menerangkan isi kandungan al-Quran melakukan kesilapan. Secara logiknya, sebagai insan istimewa pilihan Allah SWT yang ditugaskan untuk menyampaikan dan menerangkan isi kandungan al-Quran kepada seluruh manusia akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah SWT daripada melakukan kesilapan, agar isi kandungan al-Quran dapat disampaikan dengan benar, jelas dan tidak diselewengkan. Firman Allah SWT:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “(Kami utuskan rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan kitab-kitab suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya”

(Surah al-Nahl 16: 44)

Menurut az-Zuhaili (2013), Allah SWT menurunkan al-Quran kepada Rasulullah SAW sebagai mana yang telah diturunkan kitab-kitab suci kepada para rasul sebelumnya. Maka, adalah menjadi tugas Baginda untuk menjelaskan kepada manusia tentang syariat Allah SWT, hukum-hukum-Nya, perkara halal dan haram dan kisah umat terdahulu yang dibinasakan kerana mereka mendustakan para nabi. Rasulullah SAW dapat menjelaskannya kerana Baginda mengetahui makna-makna yang terkandung dalam apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Baginda. Allah SWT yang Maha Bijaksana pada sebahagian ayat Dia menjelaskan pada ayat yang lain, sementara pada sebahagian ayat Dia menjelaskan pada Rasulullah SAW sahaja. Baginda memahami keseluruhan al-Quran kerana Allah SWT telah memilihnya sebagai pembawa al-Quran dan menjelaskan keseluruhan al-Quran kepadanya. Oleh itu, sudah menjadi tugas Baginda untuk menjelaskan al-Quran kepada para sahabat melalui tingkah laku serta kenyataan Baginda sebagai mana ayat 44 daripada Surah al-Nahl tersebut (Philips, 2005).

Segala apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW juga bebas daripada berlaku kesilapan kerana semuanya adalah wahyu Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubungan dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

(Surah al-Najm 53: 3-4)

Wahyu itu menurut Mahmood Zuhdi & Paizah (2006) terdiri daripada wahyu yang bersifat *matlu* atau tidak *matlu*. Wahyu *matlu* ialah wahyu yang diturunkan dalam bentuk ungkapan dan dengan pengertiannya sekali, iaitu al-Quran. Manakala wahyu yang tidak *matlu* ialah wahyu yang diturunkan dalam bentuk pengertiannya sahaja, iaitu hadis Rasulullah SAW. Bagi wahyu yang tidak *matlu* ini iaitu hadis, ungkapan yang menzahirkan pengertian itu dibuat oleh Rasulullah SAW sendiri.

Bagi menjelaskan hubung kait di antara al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW, Allah SWT berfirman:

رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Utuskanlah kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firman) Mu, dan mengajarkan mereka isi kandungan kitab (al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan, dan membersihkan (hati atau jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Amat Bijaksana.”

(Surah al-Baqarah 2: 129)

Menurut al-Tabari (2005), sebahagian para ulama telah mentafsirkan makna hikmah tersebut sebagai sunnah Rasulullah SAW dengan beliau membawakan sebuah *athar* daripada Qatadah yang menjelaskan hikmah sebagai sunnah. Menurut Ibnu Qoyyim (2019) pula, Allah SWT telah menurunkan dua jenis wahyu kepada Rasulullah SAW iaitu al-Quran dan al-Hikmah dan menjadi kewajipan bagi hamba-hambanya untuk mengimani dan mengamalkan kedua-duanya seperti mana yang telah sepakat semua umat Islam dan para salaf. Al-Hikmah di sini bermaksud sunnah Baginda.

PENUTUP

Jelas sudah Allah SWT telah menurunkan wahyu-Nya yang terdiri daripada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Banyak ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan untuk berpegang kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Majoriti umat Islam juga bersepakat untuk menjadikan hadis Rasulullah SAW sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam yang berautoriti selepas al-Quran. Oleh itu, keempat-empat faktor penolakan autoriti hadis oleh Kassim Ahmad adalah faktor yang lemah dan bercanggah dengan petunjuk al-Quran dan penjelasan daripada para ulama dan sarjana Islam. Umat Islam wajib beriman kepada kedua-duanya tanpa menolak salah satu daripadanya sebagai sumber rujukan yang berautoriti dalam Islam dan lebih berbahaya lagi sekiranya menolak kedua-duanya. Kajian ini secara tidak langsung boleh dijadikan sebagai panduan bahawa pemikiran anti hadis ini adalah bertitik tolak daripada asas yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Pemikiran sebegini merupakan pemikiran yang berbahaya kepada akidah dan boleh berkembang dalam bentuk baharu dalam masyarakat Islam sekiranya tidak diberi perhatian yang serius.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Encik Kassim Ahmad kerana telah memberi peluang kepada penyelidik untuk menemu bual beliau. Penghargaan juga diberikan kepada para pensyarah yang telah membantu dalam urusan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Karim Ali. 2007a. Antihadis: Rujukan kepada Kitab Jima' al-'Ilm. Dlm. Ishak Hj. Suliaman et. al. (pnyt.). *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis*, hlm. 145-150. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Karim Ali. 2007b. Metode Imam al-Syafii dan ulama di Malaysia dalam menangani golongan yang mempertikaikan hadis: Satu

- perbandingan. Dlm. Ishak Hj. Suliaman et. al. (pnyt.). *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis*, hlm. 151-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Mukti Baharudin, Zaidul Amin Suffian Ahmad, Rosni Wazir & Mohd Norzi Nasir. 2020. Kesilapan penafsiran ayat-ayat al-Quran oleh Golongan Anti Hadis di Malaysia: Kajian terhadap Kassim Ahmad. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1): 1-15.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-A'zami, Muhammad Mustafa. 2010. *Studies in Hadith Methodology and Literature*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Al-Naysābūri, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayri. 2003. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabari, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr. 2005. *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qurān*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Zuhaili, Wahbah. 2005. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jil. 1. Terj. Syed Ahmad Syed Hussain et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ar-Rahawan, Muhammad Saeed Mitwally. 2012. *The Science of Hadith Terminology and Classification*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Asmawi Haji Ehsan. 2003. *Ilmu Hadith: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Az-Zuhaili, Wahbah. 2013. *Tafsir al-Munir: Akidah, Syariah & Manhaj*. Jil. 7. Terj. Abdul Hayyie al Kattani. Jakarta: Gema Insani.
- Hamdeh, Emad. 2011. *The Necessity of The Hadith in Islam*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Ibnu Qoyyim al-Jauziyyah. 2019. *Alam Roh*. Terj. Khalid Abdullah & Nur Rahman. Surakarta: Penerbit Insan Kamil.
- Izwan Mohd Ali. 2019. Pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam. Tesis Master, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. t.th. <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-golongan-anti-hadith/> [11 September 2024].
- Juhaidi Yean Abdullah. 2013. Ajaran gila, sesat & membahayakan. *Dakwah* September/Oktober: 6-10.
- Kamus Dewan. Edisi Ke-4. 2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kassim Ahmad. 1986. *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 1992. *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 2002. *Dilema Umat Islam – Antara Hadis dan Quran*. Pulau Pinang: Forum Iqra' Berhad.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid & Paizah Ismail. 2006. *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd.
- Md Hasri Rajali. 2016. Sejarah pemikiran Jema'ah al-Quran Malaysia: Suatu penilaian terhadap risalah Siaran Iqra' dari tahun 1993-an hingga tahun 1995-an. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1): 115-125.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Edisi semak dan diperluaskan daripada Case Study Research in Education. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman. 2016. Metode Kassim Ahmad dalam kajian hadis: Satu penilaian dalam timbangan metode ilmiah ulama hadis. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit 11*: 49-69.
- Muhammad Azizan Sabjan & Noor Shakirah Mat Akhir. 2016. Reaksi terhadap pemikiran anti hadis berdasarkan karya Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik. *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(Special Issue): 73-88.
- Muhammad Azizan Sabjan. 2022. Cendekiawan heresiografi awal dalam perbandingan agama: Muhammad 'Abd al-Karim al-Shahrastani dan kitabnya, *al-Milal Wa al-Nihal*. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 26(1): 79-92.
- Nahmar Jamil. 1986. *Dari Kod 19 Kepada Anti Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Nasr, Seyyed Hossein. 2003. *Islam: Religion, History and Civilization*. Lahore: Suhail Academy.
- Nurfajriyani. 2019. Ingkar hadis di Indonesia dan Mayasia: Studi komparatif pemikiran hadis Nazwar Syamsu dan Kassim Ahmad. *JURNAL AN-NIDA': Jurnal Pemikiran Islam*, 43(1): 101-124.
- Philips, Abu Ameenah Bilal. 2005. *Usool at-Tafseer: The Methodology of Qur'anic Interpretation*. Riyadh: International Islamic Publishing House.

- Rosmawati Ali@Mat Zin. 2007. *Perbahasan Kehujahan Hadis Dalam Akidah dan Syariah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013, 2014. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. 1996. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Ismail Muhammad. 2004. Pandangan Kassim Ahmad tentang hadith sebagai salah satu sumber hukum. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rumaizuddin Ghazali, Mohd Azhar Ibrahim Resedi & Fikri Muharam. 2015. Elemen anti hadis dalam ucapan kepada Konferensi Politik Nasional oleh Kassim Ahmad: Satu penilaian. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 6: 7-34.
- Zikri Darussamin. 2009. Kassim Ahmad pelopor Inkar Sunnah di Malaysia. *ALFIKRA: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 8(1): 1-34.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2013. *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Temu bual

Temu bual bersama Kassim Ahmad di 1504, Persiaran Kulim Golf, Kulim Golf & Country Resort, 09000 Kulim, Kedah pada 25 April 2015 pada jam 2.00 petang.

SENARAI PENGARANG

Izwan Mohd Ali (Pengarang Penghubung)
Calon Ijazah Doktor Falsafah,
Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
E-mel: izwanma@gmail.com

Profesor Madya Dr. Aminudin Basir@Ahmad
Pusat Pengajian Citra Universiti,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
E-mel: manhaj@ukm.edu.my